



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KENYATAAN SEBUT HARGA (SEBUT HARGA NO. : KPKT/BPJ/UB/SH/6/2022)

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di **Negeri Sabah** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Taraf / Jenis Sykt *	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Diperolehi	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PASCA COVID-19 DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TAMAN SERI SAPAGAYA, LAHAD DATU, SABAH	Terbuka (Khas Bumiputera) T1	CIDB Gred: G2 Kategori: B Pengkhususan: B04 ATAU PUKONSA Kelas: D Tajuk: II Tajuk Kecil: 2(a) mempunyai Sijil PPK CIDB	Hanya Penyebutharga yang berdaftar sewaktu Lawatan Tapak dan Taklimat Sebut Harga akan diberi pautan untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga bermula daripada 14 November 2022 (Isnin) hingga 21 November 2022 (Isnin)	PERCUMA (Tanpa Bayaran)	Unit Kontrak dan Ukur Bahan, Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 7, No. 51, Presint 4, 62100 Putrajaya 28 November 2022 (Isnin) 12.00 Tengah Hari
<p>Taklimat Projek dan Lawatan Tapak adalah <u>DIWAJIBKAN</u>. Berkumpul di PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TAMAN SERI SAPAGAYA, LAHAD DATU, SABAH pada 10 November 2022 (Khamis) jam 10.30 pagi</p>						
<p>Sebut Harga ini mensyaratkan bahawa hanya Penama yang tercatat di dalam Sijil PPK dan SPKK/PUKONSA sahaja yang dibenarkan untuk menyertai Taklimat Projek dan Lawatan Tapak . Sila bawa bersama salinan sijil (PPK, SPKK, atau PUKONSA semasa lawatan tersebut.</p>						

*Jenis Syarikat Tempatan: T1 - Syarikat 100% milik tempatan

**SEBUT HARGA : KERJA-KERJA PEMBAIKAN PASCA COVID-19 DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PROJEK PERUMAHAN
RAKYAT (PPR) TAMAN SERI SAPAGAYA, LAHAD DATU, SABAH**

Nota Penting :

1. **Penyebutharga adalah diarahkan untuk menghantar Dokumen Tender SECARA TANGAN/POS/KURIER SAHAJA. Dokumen Sebut Harga hendaklah diterima tidak lewat dari atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebut harga.**
2. **Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (*hardcopy*).**
3. **Setiap penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) dokumen tawaran sahaja. Sekiranya di dapati terdapat penyebutharga yang mengemukakan melebihi dari satu (1) tawaran, kesemua tawaran tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Sebut Harga.**
4. **Penyebutharga yang berhasrat untuk menyertai Sebut Harga ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen tawaran penyebutharga akan ditolak.**
5. **Penyebutharga juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang makluman perubahan/tambahan dokumen sebut harga sepanjang tempoh perolehan/ sehingga tarikh tutup sebut harga di laman sesawang KPKT.**

Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Sebut Harga.

Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukar Bahan
Sektor Bangunan Dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Aras 7, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
(u/p: Sr Saharudin Bin Hilmi)